

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato' Haji Abdul Rahman Bin
Mohamad [Lipis]

SOALAN : Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad
[Lipis] minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

- a) perancangan dan kajian yang telah dilakukan pihak Kerajaan dalam meningkatkan industri pertanian khususnya penanaman buah rock melon dalam Parlimen Lipis; dan
- b) jenis-jenis pertanian yang sesuai dilakukan dan bantuan yang telah diperuntukkan kepada pengusaha tanaman di Parlimen Lipis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengambil maklum bahawa daerah Kuala Lipis merupakan kawasan yang berpotensi tinggi untuk dimajukan dengan aktiviti pertanian berdasarkan keadaan kesesuaian tanah, minat serta galakan lain.

- a) Penanaman rock melon mula diusahakan secara rancak sejak 2 tahun kebelakangan ini di daerah Lipis. Sehingga akhir tahun 2016, seramai 18 orang petani telah mengusahakan tanaman ini melibatkan kawasan seluas 10.8 hektar dengan pengeluaran sebanyak 89,900 tan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memperluaskan penanaman rock melon ini melalui khidmat kepakaran dari segi teknologi, kesesuaian tanaman, penanaman, pembajaan, pengawalan perosak dan penyakit serta penglibatan pengusaha khususnya agropreneur muda.

Di samping itu, Kementerian juga menyediakan insentif untuk penanaman rock melon melalui Program Pengembangan Teknologi Tanaman Buah-Buahan. Program ini membolehkan pengusaha yang dipilih menerima insentif berbentuk input pertanian, peralatan dan sistem pengairan yang minima sebagai

modal asas bagi mengusahakan projek dengan kadar RM10,000 sehektar.

- b) Berdasarkan kesesuaian tanah yang dijalankan di Kuala Lipis, aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan oleh pengusaha adalah penanaman buah-buahan jangka masa panjang seperti durian, nangka, cempedak serta sayur-sayuran.

Pada tahun 2016, sebanyak 13 projek telah dijalankan di Kuala Lipis dengan keluasan 569.06 hektar dan melibatkan 659 orang petani.

Pada tahun 2017, sebanyak 11 projek akan dijalankan dengan keluasan 124.8 hektar dan melibatkan 273 orang petani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD

SOALAN : NO. 2

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilakah projek pembinaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan dilaksanakan di Parlimen Lipis kerana Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak yang strategik untuk didirikan pusat pengajian tinggi di Parlimen Lipis. Sekiranya tidak ada dalam perancangan, bilakah pula kerajaan akan mengkaji semula untuk melaksanakan pembinaan pusat pengajian tinggi tersebut dan sekiranya masih juga tiada dalam perancangan, adakah kerajaan bersetuju untuk memulangkan kawasan tanah tersebut untuk kegunaan lain

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau cawangannya dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Pihak UiTM mempunyai tanah seluas 898.5 ekar di Lipis, Pahang. Pada masa ini, belum ada perancangan bagi membangunkan kampus atau cawangan UiTM di Lipis, Pahang.

Walau bagaimanapun, pihak UiTM sedang membuat perancangan berhubung pembangunan tanah tersebut untuk dijadikan pusat penyelidikan dan juga untuk program berteraskan perladangan.